

SISTEM TEMPAHAN RUANG UKM

Chew Cai Fong¹ & Amelia Natasya Abdul Wahab²

¹*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

Abstrak

Fasiliti-fasiliti di UKM seperti DECTAR, DTAMS, DG, Bilik Serbaguna PTSI, Pusanika, dan bilik kolej sering ditempah untuk aktiviti pelajar. Namun, penempahan ini sering menghadapi masalah. Contohnya, penempahan perlu dilakukan melalui proses yang lambat dan mengganggu, termasuk keperluan kebenaran daripada pihak tertentu. Kelewatan ini boleh mengurangkan kesan dan memaksa pelajar membuat perubahan tergesa-gesa. Untuk mengatasi isu ini, cadangan Sistem Tempahan Ruang UKM dicadangkan. Sistem ini akan memberikan akses mudah kepada pelajar dan staf UKM untuk menempah fasiliti melalui sistem berdasarkan web. Fungsi ini tidak hanya memudahkan penempahan tetapi juga mempromosikan acara di UKM. Pengguna termasuk staf dapat membuat pembalasan serta melihat penempahan yang telah dilakukan. Pelajar dapat mengakses keputusan penempahan dan mendapatkan maklumat acara dari sistem untuk tujuan pengetahuan. Objektif kajian utama adalah untuk membangunkan Sistem Penempahan Ruang UKM dan mengujinya dengan pengguna sebenar. Pendekatan *Agile* digunakan dalam proses pembangunan sistem ini, membolehkan perubahan dan penyesuaian sepanjang jalan. Dalam proses pembangunan, *Sublime Text Editor* digunakan untuk membangunkan kod sementara *PHPMyAdmin* digunakan untuk pengurusan pangkalan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sistem Tempahan Ruang UKM berjaya dibangunkan dan telah berjaya diuji dengan pengguna. Kajian ini memberikan sumbangan penting terhadap pengurusan tempahan ruang di UKM. Proses tempahan ruang dapat dijalankan secara lebih efektif kerana semua maklumat dan proses dijalankan dalam talian, mengurangkan kebergantungan terhadap proses manual dan memberikan akses mudah kepada maklumat dan tempahan untuk semua pihak yang berkaitan.

1. PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Dalam meniti arus kemodenan ini, kebanyakan remaja kini telah menyambung pembelajaran mereka ke tahap universiti. Hal ini demikian kerana sijil ijazah sarjana muda adalah sangat penting dan berguna bagi pelajar-pelajar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih bagus dan dapat menyara diri mereka pada masa akan datang. Namun begitu, pelajar-pelajar universiti turut digalakkan untuk menyertai pelbagai aktiviti bagi menceriakan lagi kehidupan universiti mereka, antaranya ialah menyertai kelab ataupun persatuan, acara sukan, majlis-majlis dan sebagainya. Hal ini demikian kerana pelajar seharusnya membahagikan masa mereka dengan seimbang dalam menjalani kehidupan harian. Perkara ini dapat menjamin pelajar-pelajar dapat berada dalam keadaan yang sihat dan stabil, bukan hanya tertekan dengan urusan akademik sahaja.

Dalam konteks ini, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia sangat menitikberatkan situasi pelajar-pelajar dan telah menyediakan pelbagai fasiliti ataupun lebih mesra dikenali sebagai ruang bagi melengkapkan keperluan setiap persatuan mahupun individu untuk mengadakan aktiviti pada masa lapang. Sebagai contoh, dewan, bilik-bilik seminar, bilik serbaguna dan lain-lain. Semua ruang tersebut boleh digunakan sepenuhnya oleh para pelajar, mahupun semua warga Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kawasan universiti. Ruang-ruang dalam kawasan universiti bukan hanya terbuka kepada warga UKM sahaja, malah boleh terbuka kepada pihak luar. Hal ini dapat menjana pendapatan bagi pihak universiti kerana pihak universiti boleh mengenakan bayaran sewaan kepada pihak yang menyewa ruang tersebut.

1.3 Objektif

Terdapat 2 objektif bagi projek ini, iaitu:-

- a. Membangunkan Sistem Tempahan Ruang UKM
- b. Menguji Sistem Tempahan Ruang UKM dengan pengguna

1.4 Skop

Sistem Tempahan Ruang UKM akan dibangunkan sebagai sistem yang berdasarkan web. Pengguna dapat melayari laman web Sistem Tempahan Ruang UKM dengan menggunakan komputer atau laptop. Sistem Tempahan Ruang UKM ini akan disediakan dalam Bahasa Malaysia. Sistem Tempahan Ruang UKM akan mempunyai dua kategori pengguna utama, iaitu pengguna biasa sebagai penempah dan pihak pentadbiran yang akan mengemaskini sistem ini dari masa ke semasa. Pada masa yangsama, penempah akan terdiri daripada dua kategori jua, iaitu warga UKM sendiri termasuk kakitangan dan pelajar UKM serta kategori kedua adalah tetamu UKM yang merupakan orang luar UKM.

1.5 Justifikasi dan Kepentingan

Pembangunan Sistem Tempahan Ruang UKM adalah amat penting bagi memudahkan proses tempahan dalam kalangan pengguna. Hal ini demikian kerana tidak berlaku pindaan maklumat secara manual dan perkara ini telah mengurangkan kebarangkalian kecuaian manusia dalam proses membuat tempahan. Selain itu, pihak pentadbir juga dapat mendapatkan analisis laporan dari segi bilangan pengguna berdaftar, bilangan tempahan, tujuan tempahan dan sebagainya. Hal ini membantu pihak pentadbir dalam bahagian pengurusan maklumat. Oleh itu, sistem ini amat penting dalam meningkatkan keberkesanan proses tempahan ruang di UKM.

1.6 Metodologi

Pembangunan Sistem Tempahan Ruang UKM menggunakan metodologi *Agile*. Metodologi *Agile* dapat mengurangkan risiko kegagalan pembangunan sistem di mana metodologi ini tidak seperti metodologi air terjun yang hanya dapat menjalankan pengujian setelah pembangunan sistem selesai. Metodologi ini mempunyai lima fasa, iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pengujian dan fasa penghantaran.

2. Metod Kajian

2.1 Model Proses Pembangunan

Fasa analisis memegang peranan penting dalam pra-pembangunan sistem. Pada fasa ini, pembangun dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang mungkin terdapat dalam sistem yang sudah ada. Melalui analisis terhadap sistem sedia ada, pembangun akan lebih memahami keperluan dan kehendak pengguna, dan akhirnya mampu membina sistem yang memenuhi keperluan serta kehendak mereka. Melalui soal selidik tentang keperluan pembangunan sistem tersebut dan kajian sistem sedia ada, fungsi dan spesifikasi yang perlu dimasukkan dalam sistem tempahan ini seperti menyampaikan maklumat berkenaan ruang dan fasiliti yang sedia ada kepada para pengguna, membolehkan pengguna membuat tempahan hanya dengan hujung jari, memperkasakan pengiklanan aktiviti yang lebih luas.

Selepas mengenalpasti keperluan dan kehendak pengguna, pembangunan sistem seterusnya ke fasa reka bentuk. Fasa ini merupakan fasa yang menyediakan reka bentuk proses, antara muka dan pangkalan data. Pembangun perlu mereka bentuk kes guna, seni bina paras tinggi dan juga urutan dalam pembangunan. Reka bentuk antara muka dan aset juga penting supaya sistem yang dibangun kelihatan menarik. Operasi sistem dalam aspek perkakasan, perisian, dan infrastruktur rangkaian akan diidentifikasi untuk memastikan kelancaran penggunaannya tanpa sebarang gangguan. Model konseptual, model hirarki, dan struktur pangkalan data dalam sistem akan dirancang mengikut keperluan pengguna, memudahkan perkembangan lanjutan.

Dalam fasa pembangunan, sistem yang telah dikenalpasti akan digunakan. Sistem dibangunkan dengan menghasilkan aset dan membangun pangkalan data. Pendekatan *Agile* digunakan, membolehkan pembangunan berlaku secara berperingkat dalam modul fungsi. Ciri utama *Agile* adalah kemampuan untuk membangunkan modul berbeza secara serentak. Jika ada masalah, pembangun boleh kembali ke fasa sebelumnya untuk mengenal punca dan membuat penyesuaian.

Seterusnya fasa pengujian akan menjalankan pelbagai proses pengujian terhadap Sistem Tempahan Ruang UKM supaya tiada keralatan berlaku semasa pengguna mengakses ke sistem tersebut. Ujian berfokus pada fungsi simpanan dan pengiraan dalam pangkalan data. Peranan

pengguna dalam sistem ini juga sangat penting untuk maklumat tempahan. Selain itu, pengujian dilakukan untuk memeriksa antara muka yang mudah digunakan serta memastikan bahawa fungsi kritikal seajar dengan matlamat projek. Antara muka Sistem Tempahan Ruang UKM boleh mempengaruhi kebolehan pengguna untuk menggunakan sistem ini secara berterusan atau kurang minat dalam menggunakan fungsi yang disediakan.

Fasa terakhir merupakan fasa penghantaran. Modul yang berjaya dibangunkan dalam setiap fasa akan diberikan kepada pengguna untuk penilaian. Maklum balas daripada pengguna dikumpulkan dan dianalisis. Jika ada ketidakpuasan, pembangun akan kembali ke fasa pembangunan untuk membuat penyesuaian. Akhirnya, modul yang telah diperbaiki untuk memenuhi objektif dan kehendak pengguna akan digabungkan menjadi Sistem Tempahan Ruang UKM yang lengkap. Selepas penyerahan sistem, pengumpulan maklum balas pengguna dan penyelenggaraan dilakukan secara berterusan untuk memastikan prestasi yang baik sepanjang masa.

2.2 Kaedah Pengumpulan Data

Data-data asas berkaitan keperluan dan kehendak pengguna telah dikumpul melalui kaedah pengedaran soal selidik yang dibina melalui *Google Form* kepada responden. Responden terdiri daripada kalangan pelajar UKM, staff UKM dan tetamu UKM yang merupakan orang luar. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kategori ini merupakan pengguna yang bakal menggunakan Sistem Tempahan Ruang UKM dan responden-responden tersebut akan mempunyai gambaran yang lebih jelas berkaitan fungsi sistem yang akan dibangunkan ini. Data yang diperoleh akan memberikan pandangan yang penting dalam membentuk reka bentuk dan fungsi sistem agar dapat memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Hasil daripada pengumpulan data ini akan membentuk landasan untuk pembangunan Sistem Tempahan Ruang UKM. Data akan membantu dalam penentuan reka bentuk sistem serta penekanan ke atas fungsi-fungsi yang paling penting dan berkaitan dengan pengguna. Selain itu, data ini juga akan digunakan dalam proses penyesuaian dan penambahbaikan seterusnya untuk memastikan sistem memenuhi harapan dan keperluan pengguna. Data yang


dikumpul ini dianalisis dengan menggira peratusan yang diterima oleh setiap pernyataan. Hal ini demikian kerana soal selidik yang diedar ini mempunyai skala 1 hingga 5 yang mewakili amat tidak setuju ke amat setuju.

3. Keputusan dan Perbincangan

3.1 Keputusan


Sistem Tempahan Ruang UKM berjaya dibangunkan bagi kegunaan pengguna yang terdiri daripada Pelajar UKM, Staff UKM dan Tetamu UKM. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan ialah *PHP*, *HTML*, *JavaScript* dan *CSS*, manakala pangkalan data yang digunakan ialah *phpMyAdmin*. Perisian yang digunakan untuk membuat pengaturcaraan kod ialah *Sublime Text Editor*. Antara muka bagi Sistem Tempahan Ruang UKM adalah seperti Rajah 3.1 hingga Rajah 3.14.

Paparan utama yang akan pengguna akses adalah halaman utama di mana pengguna akan mendapatkan senarai aktiviti/acara bakal dijalankan serta berupaya untuk membuat carian ruang sedia ada di UKM.




Rajah 3.1 Antara Muka Halaman Utama

Seterusnya, pengguna boleh log masuk dengan menekan “Log Masuk” di atas sebelah kanan *navigation bar*. Pengguna perlu memasukkan nama pengguna serta kata laluan untuk log masuk ke sistem. Mesej ralat akan timbul sebagai peringatan kepada pengguna sekiranya nama pengguna atau kata laluan yang dimasukkan adalah salah.



Rajah 3.2 Antara Muka Log Masuk

Jika pengguna tidak mempunyai akaun, pengguna perlu menekan “Daftar Akaun Baru” dan halaman pendaftaran akaun akan dipaparkan.



Rajah 3.3 Antara Muka Pendaftaran Akaun Baru

Setelah log masuk ke sistem, pengguna boleh memilih modul fungsi yang ingin dilihat dengan menekan butang tertentu di *navigation bar*. Jika pengguna menekan “Log Keluar”, pengguna akan dibawa ke halaman log masuk sistem.

Jika pengguna ingin mendapatkan senarai paparan ruang sedia ada, pengguna hanya perlu menekan “Ruang”. Pengguna boleh mendapatkan butiran ruang tersebut dengan menekan nama ruang tersebut dan pengguna akan dibawa ke halaman butiran ruang berkenaan.

PTA-FTSM-2023-A181272

ID	Nama	Alamat	Tujuan	Kapasiti	Harga	Penyelia	Nombor Telefon	Gambar
1	Dewan Gemilang	Dewan Gemilang, UKM, 43600 Bangi, Selangor	Majlis/Sukan/Jualan/Promosi, Lain-lain	1000	500.00	Enrik Firdaus	01023456789	
2	Dewan Tun Abdul Razak (Dewan Muda)	Dewan Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor	Majlis/Bengkel/Seminar/Sukan/Jualan/Promosi, Lain-lain	2000	4600.00	Enrik Ali	012338 0371	
3	Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dewan Sultan Haji Ahmad Shah)	Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor	Majlis/Sukan/Jualan/Promosi, Lain-lain	3000	6000.00	Enrik Ahmad	01023456789	
4	DKSE203 (Dewan Kuliah)	Faculty of Social Science & Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor	Bengkel/Seminar	200	1000.00	Enrik Muhammad	0124569873	

Rajah 3.4 Antara Muka Paparan Senarai Ruang Sedia Ada

Dewan Gemilang

Kapasiti: 1000
Harga: 500.00
Penyelia: Enrik Firdaus
Cara Hubungi: 01023456789
Alamat: Dewan Gemilang, UKM, 43600 Bangi, Selangor
[Peta \(Google Maps\)](#)

Kembali Tempah

Rajah 3.5 Antara Muka Butiran Ruang

Pengguna boleh melakukan tempahan dengan menekan butang “Tempah” di halaman butiran ruang berkenaan. Borang tempahan akan dipaparkan dan pengguna perlu memasukkan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi membuat tempahan. Selepas itu, pengguna akan dibawa ke

PTA-FTSM-2023-A181272

halaman pengesahan tempahan bagi menyemak butiran yang diisi adalah tepat sebelum tempahan tersebut dihantar ke pangkalan data sistem.

The screenshot shows the 'Borang Tempahan' (Booking Form) page. It has two main sections: 'Nama:' (Name) and 'Kapasiti:' (Capacity). The 'Nama:' section contains fields for 'Nama:' (Name), 'No Matrik/No Pekerja/No IC:' (Matric/Staff/IC No.), 'Kategori:' (Category), 'Tujuan:' (Purpose), and 'Lokasi:' (Location). The 'Kapasiti:' section contains fields for 'Harga (RM/Hari)' (Price), 'Tarikh dan Masa Mula:' (Start Date and Time), 'Tarikh dan Masa Tamat:' (End Date and Time), 'Nombor Telefon:' (Phone Number), and 'Email:' (Email). A blue 'Setemua' (All) button is at the bottom.

Rajah 3.6 Antara Muka Borang Tempahan

The screenshot shows the 'Pengesahan Tempahan' (Booking Confirmation) page. It displays the booking details: ID Tempahan: D143024546cc, Name: Cikgu Cai Fung, No Matrik/No Pekerja/No IC: A181272, Kategori: Staff UKM, Dikemaskini Bagi Kategori Staff UKM: 20%, Tujuan: Mewaral, Lokasi: Dewan Gemilang, Kapasiti: 1000, Harga (RM)/Hari: 500.00, Tarikh dan Masa Mula: 2023-08-10T09:35, Tarikh dan Masa Tamat: 2023-08-12T09:35, Nombor Telefon: 0123456789, Email: a181272@sewua.um.edu.my, Tempoh tempahan (hari): 2, Jumlah harga (RM): 800. Below the details is a note: 'Sila pastikan butiran tempahan anda adalah betul sebelum menekan butang "Tempah"'. A green 'Tempah' (Book) button is at the bottom.

Rajah 3.7 Antara Muka Pengesahan Tempahan

Pengguna akan dibawa ke halaman sejarah tempahan sekiranya berjaya melakukan tempahan. Halaman sejarah tempahan memaparkan senarai tempahan yang pernah dilakukan oleh pengguna.

PTA-FTSM-2023-A181272

The screenshot shows a web-based application titled 'Sistem Tempahan Ruang UKM'. At the top, there are navigation links for 'Tempahan', 'Halaman Utama', 'Ruang UKM', and user profile links ('Hubungi Kami', 'Profil', 'Notifikasi', 'Log Keluar'). The main content area is titled 'Sistem Tempahan Ruang UKM: Sejarah Tempahan'. It features a search bar for 'ID Tempahan' and a table with the following columns: ID Tempahan, Lokasi, Tujuan, Tarikh & Masa Mula, Tarikh & Masa Tamat, and Status. Below the table, there is a blue button labeled 'Lihat Butiran Tempahan'.

ID Tempahan	Lokasi	Tujuan	Tarikh & Masa Mula	Tarikh & Masa Tamat	Status
B64cb04c56c280	Dewan Gemilang	Mesyuarat	2023-08-10 09:35:00	2023-08-12 09:35:00	Dalam Proses
B64cab6da443bb	Dewan Canselor Tun Abdul Rahman	Mesyuarat	2023-08-10 16:00:00	2023-08-11 16:00:00	Diterima
B64cab4395422d	Dewan Canselor Tun Abdul Rahman	Mesyuarat	2023-08-10 16:00:00	2023-08-11 17:00:00	Diterima
B64caab45824f5	Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh	Mesyuarat	2023-08-10 18:00:00	2023-08-11 19:00:00	Ditolak
B64caa59e7eac	Dewan Gemilang	Mesyuarat	2023-08-10 15:00:00	2023-08-11 15:00:00	Diterima

Rajah 3.8 Antara Muka Sejarah Tempahan

Bagi mendapatkan butiran tempahan yang dilakukan, pengguna boleh menekan butang “Lihat Butiran Tempahan” dan halaman butiran tempahan akan dipaparkan.

The screenshot shows a detailed view of a booking record. The title is 'Butiran Tempahan'. The record is for booking ID 'B64cab4395422d' by user 'A181272'. The details include: Name: Cheah Cai Fung, No Matric/No Pekerja No IC: A181272, Category: Pelajar UKM, Diskaun Bagi Kategori Pelajar UKM: 50%, Purpose: Mesyuarat, Location: Dewan Canselor Tun Abdul Rahman, Capacity: 2000, Basic Price (RM/Hari): 12000.00, Total Price (RM): 6000.00, Start Date & Time: 2023-08-10 16:00:00, End Date & Time: 2023-08-11 17:00:00, Duration: 2 hours, Contact Number: 0123456789, Email: a181272@swa.ukm.edu.my, and Status: Diterima. At the bottom, there are 'Kembali' and 'Jasa Invois' buttons.

Rajah 3.9 Antara Muka Butiran Tempahan

Pengguna boleh menjana invois bagi tempahan yang mempunyai status “Diterima”. Invois tersebut akan digunakan untuk menjelaskan bayaran tempahan di kaunter.

PTA-FTSM-2023-A181272

The screenshot shows a web browser displaying an invoice from the FTSM Room Booking System. The header information includes:

Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM)
Aras 4, Bangunan Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor.
03-8921 4595
jana@ukm.edu.my

INVOICE B64cab6da443bb
Tarikh Invois: 03/08/2023

ID TEMPAHAN	RUANG TEMPAHAN	HARGA PER HARI	KATEGORI	DISKAUN BAGI KATEGORI	TEMPOH TEMPAHAN	JUMLAH HARGA	
B64cab6da443bb	Dewan Canselor Tun Abdul Rahman	6000.00	Pelajar UKM	Pelajar UKM: 50.00 %	1	3000.00	
						JUMLAH BAYARAN	3000.00

NOTIS:

- Sila jelaskan bayaran tempahan anda di kounter sebelum tarikh akhir.
- Tarikh akhir untuk pembayaran: 10/08/2023
- Sila hubungi kami jika terdapat sebarang pertanyaan mengenai tempahan anda.
- Kami berhak untuk membuat sebarang pindaan atau penyesuaian kepada tempahan ini, tertakluk kepada notis terlebih dahulu kepada anda.

Rajah 3.10 Antara Muka Invois

Pengguna juga boleh melakukan semakan tempahan dengan memasukkan ID Tempahan berkenaan. Mesej “Tiada rekod dijumpai berdasarkan ID Tempahan yang dimasukkan” akan dipaparkan jika ID Tempahan tersebut tidak wujud.


The screenshot shows a web browser displaying the search results for a specific booking ID. The search results table includes:

Semakan Tempahan	
Masukkan ID Tempahan	<input type="text" value="B64cab6da443bb"/>
ID Tempahan:	B64cab6da443bb
Nama:	Chew Cai Fong
No Matric/C:	A181272
Kategori:	Pelajar UKM
Tujuan:	Mesyuarat
Lokasi:	Dewan Canselor Tun Abdul Rahman
Kapasiti:	3000
Tarikh & Masa Mula:	2023-08-10 16:00:00
Tarikh & Masa Tamat:	2023-08-11 16:00:00
Tempoh Tempahan:	1 Hari
Jumlah harga tempahan:	RM 3000.00
Nombor Telefon:	0123456789
Emai:	a181272@siswa.ukm.edu.my
Status:	Diterma
Diterma	<input type="button" value="Jata Waktu"/>


Rajah 3.11 Antara Muka Semakan Tempahan

PTA-FTSM-2023-A181272

Seterusnya, pengguna boleh mengimbas butiran profil akaun dengan menekan “Profil” pada *navigation bar*. Pengguna turut boleh mengubahsuai butiran profil dengan menekan “Kemas Kini Profil”.




Rajah 3.12 Antara Muka Butiran Profil



Rajah 3.13 Antara Muka Kemaskini Profil

Pengguna akan mendapat notifikasi sekiranya status tempahan telah dikemaskini oleh pihak pentadbir. Pengguna turut boleh melihat butiran tempahan dari sini.



The screenshot shows a web browser window titled 'Sistem Tempahan Ruang UKM'. The URL is 'lgs.itsm.ukm.my/users/a181272/FYP_System/user_notification.php'. The page has a header with links for 'Tempahan', 'Halaman Utama', 'Ruang UKM', 'Hubungi Kami', 'Profil', 'Notifikasi', and 'Log Keluar'. A large watermark 'Copyright@FTSM' is diagonally across the page. Below the header, there is a section titled 'Notifikasi' with a table. The table has columns for 'Tajuk', 'Tarikh', and 'Tindakan'. It lists four notifications:

Tajuk	Tarikh	Tindakan
Tempahan anda dengan ID B64cab6da443bb telah Diterima oleh pentadbir.	2023-08-03 04:05:09	Lihat Butiran Tempahan
Tempahan anda dengan ID B64cab4395422d telah Diterima oleh pentadbir.	2023-08-03 03:54:19	Lihat Butiran Tempahan
Tempahan anda dengan ID B64caab45824fd telah Ditolak oleh pentadbir.	2023-08-03 03:21:26	Lihat Butiran Tempahan
Tempahan anda dengan ID B64caa59e7eac telah Diterima oleh pentadbir.	2023-08-03 03:21:12	Lihat Butiran Tempahan

Rajah 3.14 Antara Muka Notifikasi

3.2 Analisis Keputusan

Pengujian kotak hitam telah dilaksanakan oleh pengguna hitam melalui Ujian Penerimaan Pengguna (*User Acceptance Testing*). Pada masa yang sama, ujian kebolehgunaan pengguna turut dijalankan. Berdasarkan dari hasil pengujian, pengguna sistem menyatakan bahawa fungsi-fungsi Sistem Tempahan Ruang UKM adalah jelas dan senang difahami. Selain itu, Sistem Tempahan Ruang UKM yang dibangunkan ini juga berkesan dalam memudahkan proses tempahan ruang di UKM.

Keputusan pengujian bagi Sistem Tempahan Ruang UKM adalah lulus dan ini menunjukkan bahawa sistem ini berjaya dan memenuhi keperluan pengguna.

3.3 Cadangan Masa Hadapan

Terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh ditambah ke Sistem Tempahan Ruang UKM, iaitu:-

- a. Penambahan kalendar ketersediaan ruang dan aktiviti dalam Sistem Tempahan Ruang UKM. Kalender ini dapat mewujudkan info yang lebih jelas dan berguna kepada penempah sebelum penempah ingin melakukan tempahan.
- b. Pembayaran secara dalam talian perlu diimplementasi bagi tujuan memudahkan proses pembayaran tempahan. Pada masa yang sama, pihak pentadbir dapat memastikan bahawa kesemua bayaran tempahan telah dijelaskan selepas penempah membuat tempahan jika fungsi pembayaran secara dalam talian dapat dibangunkan.
- c. Butiran penempah boleh ditetap terus oleh sistem berdasarkan maklumat yang disimpan dalam pangkalan data sistem sewaktu proses pendaftaran. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kekeliruan maklumat pada pihak pentadbir apabila pentadbir menyelia tempahan yang diterima.
- d. Setiap sesi selepas pentadbir selesai mengemaskini butiran ruang ataupun aktiviti perlu dikosongkan. Hal ini demikian kerana tindakan pengosongan input dapat mengelakkan berlakunya keralatan dalam pengemaskinian butiran.

4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Sistem Tempahan Ruang UKM mempunyai beberapa kelebihan tersendiri berbanding dengan sistem tempahan manual yang sedia ada. Pertama, semua maklumat ataupun butiran adalah diisi secara langsung ke sistem. Perkara ini boleh mengurangkan kecuaian manusia apabila pindaan maklumat berlaku.

Selain itu, keseluruhan proses tempahan mengambil masa yang lebih singkat berbanding dengan sistem tempahan manual. Hal ini demikian kerana borang tempahan dan juga pemberitahuan status tempahan dapat diakses secara langsung daripada sistem.

Di samping itu, pengguna juga dapat mengetahui info aktiviti/acara yang bakal dijalankan dengan melayari sistem tersebut. Perkara ini dapat menambah kesan promosi aktiviti tersebut dengan mendapat perhatian daripada orang ramai.

Pada masa yang sama, pihak pentadbir boleh mendapatkan analisis laporan dengan lebih mudah di mana analisis tersebut dijana automatik mengikut tempahan ataupun pendaftaran yang disimpan di pangkalan data sistem.

Kesimpulannya, Sistem Tempahan Ruang UKM berjaya dibangun dengan mencapai objektif yang ditetapkan. Sistem Tempahan Ruang UKM mampu meningkatkan bilangan tempahan ruang UKM dengan memudahkan proses tempahan ruang. Selain itu, kebarangkalian berlaku ketinggalan atau kesalahan maklumat pindaan dapat dikurangkan. Informasi yang lebih telus juga diwujudkan untuk pengguna-pengguna dari segi butiran ruang, tempahan ataupun aktiviti/acara.

Penghargaan

Saya amat bersyukur kerana dapat menyiapkan projek tahun akhir saya yang bertajuk “Sistem Tempahan Ruang UKM”. Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang telah saya hadapi, tetapi saya telah mencuba sedaya upaya untuk menyiapkan tugas ini.

Pertama sekali, saya ingin bersyukur kepada Tuhan telah memberikan keamanan dan keyakinan kepada saya untuk menyiapkan usulan projek ini. Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek saya iaitu Dr. Amelia Natasya Abdul Wahab kerana telah memberi nasihat dan sokongan kepada saya sepanjang tempoh penyiapan usulan projek. Dr. Amelia Natasya Abdul Wahab turut telah memberi tunjuk ajar kepada saya untuk menyempurnakan projek ini.

Seterusnya, terima kasih khas ditujukan kepada Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat kerana memberi peluang kepada saya untuk mencuba menyiapkan usulan projek ini dengan tajuk yang sendiri minati.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan kepada ahli keluarga dan kawan saya kerana sudi menghulurkan pertolongan sama ada dari segi fizikal ataupun mental

apabila saya memerlukannya. Mereka telah memainkan peranan yang amat penting dalam membantu saya menjayakan proses persiapan usulan projek ini.

RUJUKAN

Room Reservations | The American University of Paris. (n.d.). My.aup.edu. Retrieved December 10, 2022
<https://my.aup.edu/facultystaff/administrative-services/room-reservations>

Top 8 Benefits of Online Booking Systems for Business 1 Square. (n.d.). Square.
<https://squareup.com/au/en/townsquare/benefits-of-online-booking-systems>

The perfect online booking system solution- 10 tips | bookingkit ®. (2020, June 2).
Bookingkit.
<https://bookingkit.com/blog/10-must-features-online-booking-system/>

Mary Lotz. 2018. Waterfall vs. Agile: Which Methodology is Right for Your Project?.
<https://www.seguetech.com/waterfall-vs-agile-methodology> [5 Julai 2019].

Huzaimi Alias. (2018, July 24). Ujian Kebolehgunaan. Panduan Pengurusan Data.
<https://huzaimialias.com/2018/07/24/kebolehgunaan-dan-kebergunaan/#:~:text=Terdapat%20empat%20cara%20yang%20asas>

What is CodeIgniter - javatpoint. (n.d.). Www.javatpoint.com. Retrieved January 25, 2023, from
<https://www.javatpoint.com/what-is-codeigniter>

Web Application Architecture: The Latest Guide 2022. (2022, March 10).
ClickIT. <https://www.clickitech.com/devops/web-application-architecture/>

Cheat Cai Fong (A181272)
Dr. Amelia Natasya Hj. Abdul Wahab
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Commented [U1]: Nama dan No. Matriks Pelajar, serta Nama Penyelia